



| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 8/4/2009 |

Malaysia di kedudukan ke-20 indeks mesra perniagaan

Peningkatan hasil perubahan besar dalam sistem penyampaian kerajaan

MALAYSIA meningkatkan kedudukannya dalam senarai negara yang mesra perniagaan Bank Dunia, hasil daripada perubahan besar dilakukan dalam sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan sejak dua tahun lalu.

Negara ini berada di tempat ke-20 Indeks Menjalankan Perniagaan Dengan Mudah Bank Dunia 2009, meningkat empat tangga daripada tempat ke-24 tahun lalu.

Mengikuti Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (Pemudah) dalam laporan terbaru, perubahan sudah dilakukan dalam pentadbiran cukai, imigresen, e-bayaran, kastam dan logistik, yang semuanya akan meningkatkan lagi persekitaran perniagaan di negara ini.

Katanya, pasukan petugas itu tahun ini menetapkan sasaran untuk terus memantau secara sistematik dan berkesan inisiatif yang dicapai setakat ini.

Ia juga akan berusaha menginstitusikan pembabitan kerajaan dengan sektor swasta dan semua pemegang kepentingan utama.

Pemudah juga, katanya, mahu menyemai semangat kepercayaan dan usaha sama dengan sektor swasta dan semua pemegang kepentingan utama supaya ia menjadi anggota kedua sektor awam.

Mengenai pentadbiran cukai, laporan Pemudah itu berkata, syarikat dan individu kini boleh mendaftar fail cukai secara elektronik menerusi e-daftar.

Syarikat juga boleh mengemukakan anggaran semakan

liabiliti cukai korporat secara dalam talian, sekali gus menjimatkan masa.

Katanya, menerusi campur tangan Pemudah, Jabatan Imigresen juga sudah mengurangkan masa memproses permohonan pegawai dagang dari 14 hari kepada tujuh hari.

Sebagai contoh, dari Januari 2007 hingga Jun 2008, 51 peratus daripada 9,041 permohonan diproses dalam tempoh 14 hari, namun ia dikurangkan kepada tujuh

FAKTA NOMBOR

7 hari

Masa diambil untuk memproses permohonan pegawai dagang

hari tahun lalu bagi 97 peratus kes.

Jabatan itu juga meluluskan peraturan membabitkan anggota keluarga dan pembantu rumah pegawai dagang yang membolehkan pasangan, anggota keluarga dan pembantu rumah diberi layanan yang sama seperti prinsipal, kata laporan itu.

Bagi e-pembayaran, laporan itu menyebut sehingga 31 Disember tahun lalu, 89 jabatan kerajaan dan agensi menerima pembayaran dalam talian bagi 148 perkhidmatan.

Pembayaran melalui portal boleh dibuat sama ada secara debit langsung atau kad kredit.

Bagi melancarkan perdagangan, Jabatan Kastam memperkenalkan pengesahan dokumen atau pelepasan

kargo berasaskan anggaran masa tiba.

Jabatan itu juga membenarkan bayaran tertanggung ke atas duti jika jumlah keseluruhan jaminan bank bersamaan dengan jumlah cukai berbayar dan dilakukan menerusi pemindahan dana elektronik.

Laporan itu menyebut, Pemudah juga terbabit dalam perbincangan mengenai isu yang berkaitan dengan pekerja asing.

Buat permulaan, Pemudah mencadangkan pengurangan pekerja asing untuk jawatan seperti juruwang, operator perkhidmatan pelanggan dan atendan stesen petrol.

Industri digalakkan menggunakan teknologi dan automasi bagi mengurangkan pergantungan ke atas buruh asing, katanya. -Bernama